

28 MAR 1997

Ting-Gondol

SIASATAN BERSAMA TERHADAP KES GONDOLKAN BUKIT

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Satu siasatan bersama akan dilakukan tidak lama lagi terhadap perbuatan menggondolkan bukit secara besar-besaran di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, di sini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini berkata siasatan itu akan melibatkan Kementerian berkenaan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

Pemaju terbabit telah diarah memberhentikan kerja dan menghantar laporan tentang langkah yang bakal diambil untuk mengatasi keadaan mengikut peraturan, kata beliau ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kegiatan itu.

"Kita perlu melihat syarat-syarat yang digariskan oleh pihak berkuasa sebelum pemaju memulakan kerja. Kita perlukan laporan lengkap terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan termasuk tindakan mahkamah," katanya selepas merasmikan seminar teknologi pemindahan pokok termaju di Subang.

Ting berkata arahan memberhentikan kerja terhadap syarikat Projek Ikatan Rapi Sdn Bhd itu boleh disifatkan satu hukuman kerana ia memberi kesan terhadap tarikh siap projek itu.

Selasa lepas, Ting dilaporkan berkata bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan siasatan dibuat terhadap projek pembangunan yang telah menggondolkan bukit di Selangor.

Dr Mahathir membuat arahan itu selepas mengesan penebangan hutan besar-besaran di Selangor ketika menaiki helikopter dalam perjalanan pulang dari Taman Negara di Pahang.

Mengenai pemuliharaan dan pemindahan pokok, Ting mencadangkan semua pemaju menyediakan "Bank Pokok" di tapak pembinaan bagi menyimpan buat sementara waktu pokok yang kemudiannya boleh dipindahkan semula apabila projek disiapkan.

Walaupun ia bukan peraturan yang diwajibkan, pemaju perlu mempunyai kesedaran dan mematuhi polisi kerajaan untuk memulihara pokok, katanya.

Beliau mengingatkan pemaju bahawa penebangan pokok tanpa kebenaran adalah dilarang dan pegawai penguatkuasa pihak berkuasa tempatan akan sentiasa mengadakan pemeriksaan bagi memastikan undang-undang berkaitan tidak dilanggar.

-- BERNAMA

ARA HJ MAI